

TPM mahu rundingan FTA berakhir Mac

KUALA LUMPUR 15 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu negara cuba sedaya upaya untuk menepati tarikh tamat bulan Mac yang diberikan oleh Amerika Syarikat (AS) bagi memuktamadkan rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, Timbalan Perdana Menteri menyatakan demikian dalam sesi taklimat khas berhubung FTA tersebut semalam kerana menurutnya, negara serius dalam komitmennya terhadap rundingan tersebut.

"Masa depan rundingan FTA dengan AS kelihatan positif dan Malaysia akan meneruskan rundingan.

"Selagi isu-isu dasar seperti kedaulatan dan kebebasan kerajaan untuk membuat keputusan tidak dikompromi, isu-isu yang lain boleh dirundingkan secara fleksibel," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat

Exco Pergerakan Wanita UMNO di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perjalanan rundingan tersebut.

Tarikh akhir rundingan FTA pada Mac dikenakan oleh pihak AS yang perlu membentangkannya kepada Kongres 90 hari sebelum Pihak Berkuasa Promosi Perdaganganannya tamat dalam bulan Jun.

Rafidah berkata, beliau telah memberikan taklimat itu kepada para Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ketua Setiausaha, Peguam Negara, Tan Sri Gani Patail dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Beliau menjelaskan, perbincangan mereka bertumpu kepada 58 isu tertangguh termasuk 16 yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Selain itu, kata beliau, ia menyentuh

Um - 16/2/2007.
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kewangan, Kementerian Sains dan Teknologi, Kementerian Alam Sekitar dan kementerian-nya sendiri.

Setiap kementerian, katanya, telah diminta mendalami aspek-aspek yang tidak diperseujui agar dapat mencapai penyelesaian.

"Kalau betul-betul tidak boleh (mencapai penyelesaian), kami terima.

"Tetapi kalau boleh dan bersebab tapi memerlukan perubahan undang-undang dan sebagainya, lakukan kerana adalah wajar untuk menimbang semula pendirian," ujar beliau.

Perbincangan semalam, katanya, berlaku dalam suasana terbuka dan kementeriannya akan membentangkan semua keputusan akhir kepada Kabinet kelak.

"Banyak lagi perkara yang belum ditentukan tetapi akan dilakukan di peringkat

Kabinet.

"Kementerian saya akan menyediakan bahan bagi membolehkan jemaah menteri membuat perbandingan dan seterusnya membuat keputusan sebagai kerajaan," jelasnya.

Selepas sesi itu, katanya, Wakil Perdagangan AS, Susan Schwab telah menghugungnya dan beliau telah melaporkan hasil perbincangan itu kepadanya.

Rafidah berkata, beliau telah meminta Schwab mengarahkan Ketua Perundingnya berhubung dengan Ketua Perunding Malaysia untuk menyatakan aspek-aspek di mana rundingan boleh diteruskan.

"Ya mungkin terhad kepada sektor tertentu sahaja dan sesetengahnya boleh dilakukan melalui panggilan telefon sahaja.

"Beliau turut memberitahu saya bahawa pihaknya juga komited kepada penerusan rundingan FTA," katanya.